

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 18 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03600
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah populasi Harimau Malaya di seluruh Malaysia berdasarkan dapatan terkini Survei Harimau Kebangsaan Pertama, dan langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengekal dan meningkatkan populasi Harimau Malaya.

2. PR-1421-L03947
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan yang dikenakan ke atas pemilik akaun media sosial yang didapati menghina institusi raja dan agama Islam.

3. PR-1421-L02868
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan telah merangka Dasar Pertanian Negara (DPN) sebagai persediaan untuk menjadi negara maju dan memastikan negara mengeluarkan hasil pertanian yang mencukupi dan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan negara.

4. PR-1421-L03462
Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama-nama syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Tujuan Khas (SPV) di bawah Kementerian Kewangan berhubung perkara pemindahan aset Lembaga Tabung Haji dan adakah pemindahan aset tersebut akan menjejaskan dividen penyimpanan.

5. PR-1421-L02975
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada isteri warga asing tidak akan dibenarkan berada di Malaysia jika suaminya tidak lagi menyokong kehadiran beliau di Malaysia.

6. PR-1421-L03258
Tuan Ramli Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan standard peratusan keterangan yang diperlukan sebelum seseorang individu dituduh di mahkamah yang diambil kira oleh Jabatan Peguam Negara sebelum sebarang pertuduhan di mahkamah dilakukan terhadap seseorang.

7. PR-1421-L03990
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan plot tanah Kerajaan yang telah diambil semula oleh DBKL secara membeli balik daripada pembeli-pembeli dan nyatakan sebab-sebab berbuat demikian serta nyatakan lokasi, saiz, tahun jualan, nilai asal jualan dan nilai pasaran terkini dan kegunaan tanah-tanah tersebut.

8. PR-1421-L03625
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan khusus menetapkan satu peraturan atau dasar yang menyeragamkan tempoh sesi praktikal di semua Universiti Awam (UA) dan IPTS di Malaysia ; dan

 - (b) apakah ada usaha untuk menetapkan kadar elaun minimum untuk pelajar praktikal sepanjang masa latihan praktikal dijalankan sama ada bagi sektor swasta atau sektor awam.

9. PR-1421-L04190
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang sudah dibuat oleh Kementerian Ekonomi sejak 9 Mei 2018 untuk memastikan tahap pembangunan di Sabah dipertingkatkan untuk menyeimbangkan pembangunan yang tidak seimbang di antara Sabah dan Semenanjung.

10. PR-1421-L02948
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan serta sekolah daif di Sarawak amnya dan kawasan Baram khasnya yang akan dibaik pulih dalam tahun 2019. Senaraikan sekolah yang akan dibaik pulih di kawasan Baram.
11. PR-1421-L02963
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk meratifikasikan (*ratification*) protokol berkaitan kawalan penyeludupan tembakau di bawah *Framework Convention On Tobacco Control (FCTC)*, sebagai langkah strategik bagi mengurangkan bilangan perokok di Malaysia.
12. PR-1421-L03739
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah pihak Kementerian telah melaksanakan harga lantai pembelian getah (*cup lump*) seperti yang dijanjikan RM2.50, dan apakah kaedahnya sekiranya tidak dilaksanakan.
13. PR-1421-L03624
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status dan kejayaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine sebagai tulang belakang kepada Kawasan Alam Sekitar ataupun *Environmentally Sensitive Area (ESA)* di Semenanjung Malaysia untuk pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem daripada ancaman fragmentasi hutan.
14. PR-1421-L03272
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi membanteras gejala pembelian 'lesen terbang' atau palsu; dan
 - (b) apakah tindakan yang telah dikenakan terhadap warga asing yang memiliki 'lesen terbang'.
15. PR-1421-L03533
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang memperkenalkan gaji minimum berdasarkan kemahiran seseorang pekerja.

16. PR-1421-L03923
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah *MyBrain* akan mula beroperasi kepada program Sarjana kepada seluruh bidang.
17. PR-1421-L03124
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk membantu menaikkan prestasi sukan catur di Malaysia.
18. PR-1421-L03104
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan agensi yang terlibat dalam program-program untuk remaja terpinggir atau terpesong akidah serta nyatakan berapakah tambahan program baru yang sedia ada dan peruntukannya.
19. PR-1421-L03238
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan permohonan Pulau Pinang untuk membina Projek Perumahan Rakyat di lima daerah negeri ini. Jelaskan juga status Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) dan Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di Pulau Pinang termasuk bantuan peruntukan penyelenggaraan dan kelulusan permohonan.
20. PR-1421-L03144
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah drastik yang diambil Kementerian bagi menangani stok minyak sawit yang berkurangan hasil daripada kejatuhan harga sawit sejak September 2018; dan
 - (b) adakah dengan pengurangan keluaran minyak sawit dapat mengekalkan harga di pasaran, apakah kesan kepada pekebun sawit ketika stok minyak sawit dikurangkan yang sudah tentu jualan pekebun kepada peraih akan berkurangan dan terhad.
21. PR-1421-L02957
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini pekerja asing yang telah berdaftar di negara ini dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing khususnya dalam sektor pekerjaan "3D" (*Dirty Dangerous and Difficult*).

22. PR-1421-L03980
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kerangka kefahaman Islam dan model negara patuh syariah yang dibawa oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
23. PR-1421-L02884
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah firma Great Eastern dipilih untuk menyertai Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam). Tidakkah ini akan mewujudkan monopoli dan sekaligus membunuh syarikat insurans tempatan.
24. PR-1421-L03816
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan setiap keluarga Orang Asli mendapat rumah kediaman yang selesa dengan kemudahan infrastruktur dan prasarana serta setakat manakah penyertaan dan pulangan yang dinikmati oleh masyarakat Orang Asli dalam projek tanaman seperti kelapa sawit dan getah yang diusahakan oleh FELCRA dan RISDA.
25. PR-1421-L03639
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah hasil siasatan ke atas insiden TV1 yang tidak menyiarkan secara langsung ucapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Menteri Pengangkutan ketika Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina anjuran Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya di Dataran Centrio, Seremban pada 17 Februari 2019 yang lepas.
26. PR-1421-L03353
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian di dalam meningkatkan kepelbagaian produk halal keluaran usahawan Bumiputera bagi memenuhi permintaan terhadap produk tersebut yang semakin meningkat di dalam dan di luar negara.
27. PR-1421-L04159
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya PGK itu adalah lebih menggambarkan situasi terkini.

28. PR-1421-L03151
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status permohonan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pagalungan.
29. PR-1421-L03808
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan Projek Pembinaan Rangkaian Keretapi Timur (ECRL).
30. PR-1421-L03006
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh ASEAN untuk menangani masalah penindasan yang berlaku ke atas etnik minoriti Rohingya di Myanmar; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mencadangkan kajian semula Dasar Tidak Campur Tangan ASEAN jika dasar ini menjadi penghalang kepada penyelesaian isu ini.
31. PR-1421-L04223
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pelan perpaduan rakyat oleh Kementerian dalam masa 5 tahun akan datang.
32. PR-1421-L03165
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan berkenaan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018, adakah Kerajaan masih ingin menghapuskan akta ini ataupun mengekalkannya.
33. PR-1421-L04134
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kita akan dapat mencapai sasaran 90% tenaga guru mengajar di Sarawak adalah anak jati Sarawak menjelang tahun 2020. Berapa ramaikah anak jati Sarawak yang telah memohon untuk berpindah balik ke Sarawak dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapa ramaikah yang telah berjaya.

34. PR-1421-L03265
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai komitmen Kerajaan dalam gerakan BDS (*Boycott, Divestment & Sanctions*) terhadap Israel. Apakah ada usaha libat urus (*engagement*) dilakukan bersama NGO seperti BDS Malaysia; dan apa jalan hadapan yang wajar buat Malaysia dalam konteks BDS ini.
35. PR-1421-L03416
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan di sepanjang FT 004, Jalan Gerik-Jeli, khususnya Seksyen 206, Batu 14 yang merupakan kawasan berisiko tinggi kemalangan.
36. PR-1421-L03846
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah ada perancangan Kementerian untuk mewujudkan lagi universiti awam dan universiti swasta di Sabah; dan
 - (b) apakah status terkini pembinaan SMK Pekan Nabal, Tuaran.
37. PR-1421-L03423
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pihak Kementerian akan meneruskan usaha Kerajaan terdahulu dalam membuka pintu dan inisiatif bagi memecahkan kartel import daging yang sudah dikuasai berpuluh-puluh tahun oleh beberapa syarikat sahaja. Contohnya mewujudkan kerjasama antara syarikat milik Kerajaan (GLC) dan pengimport sederhana dan kecil di Malaysia serta menubuhkan konsortium yang mana GLC menjadi peneraju utama dalam perkara tersebut.
38. PR-1421-L03951
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengetatkan undang-undang dan mengelakkan kes penipuan sijil pengajian daripada berleluasa.

39. PR-1421-L04140
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah RPGT yang telah dikutip untuk pelupusan hartanah melebihi 5 tahun sejak pelaksanaannya pada 1 Januari 2019 sehingga sekarang. Sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk mempertimbangkan semula polisi pada masa hadapan memandangkan tujuan asal RPGT adalah untuk menyekat spekulasi hartanah.
40. PR-1421-L03760
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan Tol Gombak yang merupakan faktor utama kesesakan lalu lintas pada setiap kali musim perayaan.
41. PR-1421-L03587
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membangunkan kawasan sempadan di Kedah, selain Zon Ekonomi Bebas Bukit Kayu Hitam, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat.
42. PR-1421-L04023
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan dalam menjenamakan semula program Skim Latihan Satu Malaysia (SLIM) kepada Program *Profesional Training And Education For Growing Entrepreneurs*.
43. PR-1421-L03117
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan menubuhkan cawangan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Empangan Kenyir, fokus kepada program meningkatkan biodiversiti dan integriti ekosistem flora dan fauna di empangan tersebut, yang kekal merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara dan kawasan tumpuan pelancong dari seluruh pelusuk dunia.
44. PR-1421-L03171
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kutipan Tabung Harapan terkini dan sejauh mana ia telah membantu kewangan Kerajaan dalam menurunkan hutang negara.

45. PR-1421-L03753
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pemberian taraf warganegara kepada kaum India yang berusia 60 tahun ke atas akan diperluas kepada kumpulan lain misalnya kaum Siam yang sudah lama menetap di negara ini.
46. PR-1421-L03829
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggubal Kanun Keseksaan untuk memasukkan jenayah menghendap (*stalking*) atau menggubal undang-undang yang baru dan apakah garis masa yang akan diambil untuk merelehasikan penggubalan ini serta apakah status terkini usaha Kerajaan untuk memperbaiki undang-undang sedia ada berkaitan rogol terhadap isteri.
47. PR-1421-L03988
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) perkembangan terbaru mengenai projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) setelah Kerajaan Malaysia berunding dengan China; dan
 - (b) perihalkan pengurangan skop kerja (*downsizing*) berbanding spesifikasi asal dan kos pembinaan selepas “*downsizing*” dan pampasan perlu dibayar kepada China dan kaedah pembayarannya jikalau projek ECRL ditangguhkan.
48. PR-1421-L03881
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan dalam memperkasakan inisiatif perpaduan masyarakat berbilang kaum negara.
49. PR-1421-L03551
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan keseluruhan bagi Bantuan Sara Hidup tahun 2019 dan berapa jumlah yang mendapat manfaat daripada bantuan ini.
50. PR-1421-L04141
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pegangan atas jawapan Menteri Perpaduan terhadap isu rusuhan di kuil Seafield, Subang Jaya bagi menjaga keharmonian dan keamanan di Malaysia.

51. PR-1421-L04125
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM687 bilion pada tahun 2017 kepada RM741 bilion pada tahun 2018.
52. PR-1421-L02939
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan tindakan dan strategi yang sedang dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara.
53. PR-1421-L03685
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menetapkan harga maksima yang boleh dikenakan oleh pengusaha kedai makanan dan restoran terhadap penjualan harga air mineral botol 500ml agar kadar keuntungan yang diperolehi tidak melampau.
54. PR-1421-L03564
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan siasatan semula kes kematian Teoh Beng Hock, nama-nama suspek terbabit dan tindakan undang-undang susulannya.
55. PR-1421-L03885
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini jumlah pempamer dan delegasi asing yang akan terlibat dalam LIMA'19 serta berapa banyakkah pesawat dan aset maritim yang akan mengambil bahagian secara keseluruhan. Serta apakah matlamat dan harapan Kementerian hasil daripada penganjuran LIMA'19 ini.
56. PR-1421-L03373
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan keciciran di kalangan pelajar sekolah menengah, dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu mereka terus belajar sehingga tingkatan lima.

57. PR-1421-L03734
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penyertaan Malaysia dalam Konvensyen Jenayah Siber Kesatuan Eropah "*Konvensyen Budapest*" yang mana Kerajaan sebelum ini telah bersetuju secara dasar dan kerangka undang-undang domestik juga mematuhi peruntukan artikel Konvensyen berkenaan.
58. PR-1421-L03098
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pengguna yang menggunakan Pas Bulanan Pengangkutan Awam dan adakah jumlah tersebut mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian.
59. PR-1421-L03894
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status dan kemajuan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang dan menjelaskan kelemahan utama dalam tadbir urus Kerajaan yang membolehkan serta menyebabkan berlakunya ketirisan dan kecuaiian.
60. PR-1421-L03784
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kepastian jajaran jalan Pan Borneo di kawasan Limbang dan Lawas sama ada masih melalui Negara Brunei Darussalam atau jajaran lain/baru dan berapakah jumlah peruntukan yang dikhaskan untuk projek tersebut di Sarawak pada tahun ini, 2019.
61. PR-1421-L04183
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan, khususnya pegawai-pegawai farmasi yang kontrak perkhidmatan mereka yang diperbaharui secara tahunan. Adakah mereka dibenarkan untuk berkerja di sektor swasta sekiranya kontrak mereka ditamatkan kerana di dalam klausa tempoh khidmat wajib mereka bersama Jabatan Perkhidmatan Awam adalah selama enam tahun.
62. PR-1421-L03037
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyakkah pengimportan beras dari luar negara pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Berapa peratuskah jumlah ini daripada seluruh pengeluaran beras negara.

63. PR-1421-L03908
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani hakisan tebing sungai yang dihadapi oleh penduduk kampung di kawasan Parlimen Tenom hingga menimbulkan kerosakan tanaman dan mengancam keselamatan penduduk.
64. PR-1421-L03520
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini Dasar Pendidikan Tahfiz Negara dan apakah kedudukan terkini cadangan untuk mewujudkan Majlis Tahfiz Negara yang sepatutnya dirancang untuk diwujudkan pada awal tahun ini bagi tujuan penyelarasan, pensijilan dan penarafan institusi tahfiz di negara ini.
65. PR-1421-L03236
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang terkumpul Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Pusat sehingga 31 Disember 2018. Berapakah tunggakan pembayaran tahunan yang sepatutnya dibayar oleh setiap pihak-pihak berkaitan.
66. PR-1421-L03280
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan jangka panjang untuk menaik taraf dan menjadikan petani Malaysia mampu beroperasi dan menikmati "*economy of scale*" bagi menyaingi harga barangan pertanian import.
67. PR-1421-L03450
Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara setakat ini. Berapa hutang negara telah dikurangkan sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih Putrajaya.
68. PR-1421-L03913
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan status subsidi kos mengerjakan haji bagi bakal jemaah yang pergi atas tiket rayuan atau sebagai pengiring mahram.

69. PR-1421-L02898
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini projek ECRL dan mengapa ada desas-desus mengatakan projek ini akan ditangguh atau dibatalkan.
70. PR-1421-L03225
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan kenapa hutang isi rumah rakyat Malaysia didapati meningkat agak ketara sepertimana dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2018, iaitu dari 61% daripada KDNK dalam tahun 2008 kepada 84% (RM 1.17 trilion) pada akhir Jun 2018 dan jelaskan juga perancangan dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menangani isu ini.
71. PR-1421-L02907
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik jumlah kemalangan maut yang berlaku sepanjang Ops Selamat dijalankan dan sejauh manakah ia mampu mengurangkan kadar kemalangan.
72. PR-1421-L03939
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah projek utama di Pulau Bunting dalam daerah Yan setelah jalan persekutuan telah pun siap dibina ke pulau tersebut.
73. PR-1421-L02987
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf klinik kesihatan. Pada suatu ketika, terdapat klinik kesihatan di sesebuah kawasan dengan penduduknya seramai 2000 orang. Pada masa kini, di sesetengah kawasan yang penduduknya mencecah seramai 20,000 orang, klinik kesihatannya masih mempunyai kemudahan yang sama. Adakah Kementerian dapat menambah kemudahan yang selaras dengan hospital Kerajaan.
74. PR-1421-L04103
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan statistik pemberian dana kepada pekebun getah yang telah menerima Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sehingga kini.
75. PR-1421-L03079
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan untuk membuka lapangan-lapangan terbang di Sarawak untuk menerima penerbangan dari luar negara bagi memudahkan kedatangan pelancong asing ke negeri itu.

76. PR-1421-L03303

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak Kerajaan baru mengambil alih, berapa buah jabatan dan agensi Kerajaan telah dibubarkan dan berapa jumlah pegawai, pekerja dan anggota telah ditamatkan perkhidmatan. Berapakah wang Kerajaan boleh diselamatkan. Adakah Jabatan atau agensi baru ditubuh dan berapa jumlah anggota dan berapa kos pengendaliannya.

77. PR-1421-L03237

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah perbincangan akan diadakan dengan Kementerian Pertanian Industri Asas Tani berhubung kadar pelepasan air mentah dari Empangan Muda dan Empangan Beris sebagai langkah memastikan takungan air mentah adalah mencukupi dalam menghadapi musim kemarau yang dijangka sehingga Mei 2019. Jika tidak, apakah langkah yang akan diambil merujuk kepada fenomena El Nino pada tahun 2016.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] dan masalah dicadangkan:--**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (14 Mac,2019)

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang "
Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam

lalu ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

5. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

6. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan

jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

10. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

11. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

12. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui afidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah,

Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyesuaian dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan

sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan begitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR.3	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara - Pengurusan Marina Awam <ul style="list-style-type: none">• Kementerian Pengangkutan• Kementerian Hal Ehwal Ekonomi• Kementerian Kerja Raya	18 Mac 2019